

## LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK Pembentangan Peribadi Awam-i

Sila baca dan fahami Lembaran Penzahiran Produk beserta terma-terma dan syarat-syarat produk pembentangan ini sebelum anda memutuskan untuk memohon Pembentangan Peribadi Awam-i ("Kemudahan"). Sila dapatkan penerangan daripada Koperasi Tentera (KT) sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen tersebut.

### 1. Apakah produk ini?

Produk ini adalah kemudahan pembentangan peribadi patuh Syariah yang ditawarkan kepada kakitangan kerajaan dan swasta (bagi syarikat swasta yang menjalin kerjasama dengan KT) yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh KT dengan kaedah bayaran ansuran bulanan melalui potongan gaji.

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Kemudahan ini menggunakan konsep Komoditi Murabahah (Tawarruq). Berdasarkan perlantikan sebagai wakil (wakalah) daripada pihak pelanggan, KT (sebagai ejen belian pelanggan) akan membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berlandaskan kontrak Murabahah pada harga jualan (kos dan keuntungan) secara tangguh dan kemudian, KT (sebagai ejen jualan pelanggan) menjual komoditi kepada pembeli pihak ketiga pada harga kos secara tunai. Hasil kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun simpanan pelanggan sebagai pengeluaran pembentangan.

### 3. Apakah yang saya dapat dari Kemudahan ini?

#### Jumlah Pembentangan

Minimum : RM 1,000.00

Maksimum : RM 100,000.00 atau 10 kali gaji kasar (mana-mana yang lebih rendah)

#### Tempoh Pembentangan

Minimum : 1 tahun

Maksimum : 10 tahun atau sehingga umur 55 tahun pada tempoh matang (mana-mana terdahulu).

#### Kadar Keuntungan Tetap Pembentangan

6% setahun

### 4. Apakah tanggungjawab saya?

Anda dikehendaki membuat bayaran bulanan melalui potongan gaji seperti yang dipersekutui pada tempoh masa yang ditetapkan.

Contoh:

Jumlah pembentangan : RM 20,000.00

Tempoh pembentangan : 60 bulan

Jumlah keseluruhan (harga jualan) : RM 26,000.00

Bayaran ansuran bulanan : RM 433.33

Nota: Angka yang dinyatakan diatas hanyalah jumlah indikatif dan boleh berubah tertakluk kepada kriteria kelulusan oleh KT.

### 5. Apakah fi, caj dan bayaran lain yang terlibat?

Fi dan Caj	Keterangan
Caj Pemprosesan	RM50.00
Duti Setem	Mengikut Akta Duti Setem 1949 (semakan 1989)
Takaful	Berdasarkan jumlah pembentangan dan tempoh Kemudahan.
Deposit Sekuriti	Bersamaan dengan tiga (3) bulan ansuran pembentangan bagi pembayaran awal kemudahan jika berlaku kemungkinan.
Fi Broker	Tertakluk kepada caj sebenar yang dikenakan oleh Platform Dagangan Komoditi

- Sila rujuk laman web KT [www.katmb.com.my](http://www.katmb.com.my) bagi kemaskini fi dan caj yang berkaitan.
- Kesemua fi dan caj yang berkaitan dengan Kemudahan akan ditolak daripada jumlah pembentangan yang diluluskan sebelum lebihan dikreditkan ke akaun bank anda.

### 6. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful?

Ya, anda wajib mengambil perlindungan takaful yang disediakan bersama dengan Kemudahan ini daripada syarikat panel Takaful KT.

### 7. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Sekiranya berlaku kegagalan pembayaran ansuran, KT akan mengeluarkan notis peringatan bagi meminta bayaran daripada anda untuk membuat pembayaran pembentangan yang tertunggak.
- KT berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (Ta'widh) daripada anda sebanyak 1% setahun atas jumlah bayaran tertunggak.
- KT berhak menolak baki kredit di dalam akaun anda (ansuran pendahuluan) sekiranya ada, bagi bayaran menyelesaikan tunggakan.
- KT berhak mengambil tindakan undang-undang sekiranya anda gagal untuk mematuhi notis peringatan dan tuntutan yang diberikan oleh pihak KT.

### 8. Bagaimana jika saya menyelesaikan sepenuhnya Kemudahan ini sebelum tempoh matang?

- Rebат (Ibra') akan diberikan pada jumlah baki keuntungan tertangguh/keuntungan belum terakru.
- Pengiraan rebat (ibra') berdasarkan formula berikut:

#### Jumlah Penyelesaian Awal

= Baki Harga Jualan – Ibra + Caj Lewat Bayar (jika ada)

Di mana,

#### Rebat (Ibra')

= Baki Keuntungan tertangguh – Caj penyelesaian awal (jika ada).

### 9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Tidak, penjamin atau cagaran tidak diperlukan.

### 10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan mengenai butiran peribadi saya?

Anda perlu memaklumkan kepada KT dengan segera bagi sebarang perubahan butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyerah sampai kepada anda tepat pada masanya.

### 11. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat dan bantuan lanjut?

- Bagi sebarang pertanyaan lanjut atau permasalahan berkaitan Kemudahan ini, anda boleh menghubungi KT Customer Care di talian 03-2303 0000.
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh merujuk kepada:

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Changkat Semantan, Off Jalan Semantan

Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

No. Tel: 03-2083 4000; Faks: 03-2083 4100

**Penafian:** Maklumat yang diberikan merupakan maklumat am berkaitan Kemudahan ini. Terma-terma dan syarat-syarat yang muktamad adalah apabila sepertimana yang dinyatakan di dalam Surat Kemudahan.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Penzahiran Produk ini adalah **sah pada [xx/xx/yyyy]** dan sehingga kemaskini yang seterusnya.